

19 MAY 1998

Pemuda-Jawatan

EXCO PEMUDA ULANGI PENDIRIAN AGAR KETUA DAN NAIB TIDAK DICABAR

SEREMBAN, 19 Mei (Bernama) -- Mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno hari ini mengambil ketetapan mengulangi pendirian bahawa kedudukan Ketua dan Naib Ketua Pergerakan itu tidak harus dicabar pada pemilihan tahun depan.

Penolong Setiausaha pergerakan itu, Saifuddin Nasution Ismail berkata ini merupakan lanjutan daripada keputusan yang dibuat pada mesyuarat Exco bulan lepas.

"Bagaimanapun hal ini bukanlah bermakna kita menghalang daripada pertandingan diadakan," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat itu yang dipengerusikan ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi di sini.

Ahmad Zahid dan Naib Ketua Datuk Hishammuddin Tun Hussein meninggalkan bilik persidangan berita semasa pengumuman itu dibuat.

Saifuddin Nasution berkata, Exco juga mengulangi pendirian berdiri teguh di belakang Ketua dan Naib Ketua dan memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap kedua-duanya dalam jawatan masing-masing.

Pada 29 April lepas mesyuarat Exco itu menetapkan jawatan Ketua dan Naib Ketua Pemuda tidak ditandingi pada pemilihan tahun depan demi mengukuhkan perpaduan di kalangan anggotanya. Bagaimanapun pada 2 Mei lepas Ahmad Zahid berkata beliau bersedia dicabar jika anggota pergerakan itu ingin menguji popularitinya.

Saifuddin berkata, beliau hanya memaklumkan satu kenyataan hasrat yang dibawa oleh rakan-rakan Exco dan rakan-rakan daripada Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri setelah menerima maklum balas daripada Ketua-ketua Pemuda bahagian.

"Maklum balas ini ada yang datangnya dalam bentuk usul atau cadangan yang dibuat ketika mesyuarat perwakilan Pemuda bahagian yang lepas... bermakna kita hanya menegaskan pendirian kita sebagai satu keputusan Exco Pemuda supaya kedua-dua jawatan tidak dicabar," katanya.

Ketika diminta mengulas perkara itu kemudian, Ahmad Zahid berkata, ia adalah satu keputusan Exco yang perlu dihormati.

"Bagi saya dan Datuk Hishammuddin tetap sama... pertandingan harus diizinkan dan kita berpendirian bahawa demokrasi harus dihidupkan. Jadi tidak timbul masalah kita tidak hidupkan demokrasi," katanya.

Beliau juga berkata, mesyuarat Exco hari ini mengambil beberapa keputusan, antaranya menganjurkan Kongres Pemantapan Ekonomi Negara pada 7 Jun ini dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Katanya, kongres itu akan membincangkan 20 strategi untuk memantapkan ekonomi negara dan beberapa cadangan bagi mengatasi dan menangani kegawatan ekonomi.

Karnival Dana Khas Negara juga akan diadakan pada 14 Jun di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia anjuran bersama pergerakan itu dan Pemuda Barisan Nasional (BN).

Katanya, pada majlis itu, pemuda-pemuda dari setiap bahagian di seluruh negara akan digerakkan sebagai tanda sokongan untuk memantapkan lagi simpanan negara dan secara simboliknya sekumpulan pelajar akan menyerahkan sejumlah wang daripada tabung simpanan mereka kepada Perdana Menteri.

Pengerusi Majlis Sains dan Teknologi Pemuda, Zein Isma Ismail pula berkata pergerakan itu telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding pada Khamis lepas dan mengemukakan beberapa cadangan berhubung masalah jerebu dan kekurangan air.

Katanya, majlis itu meminta media massa tempatan bersama-sama menentang dakwah media massa Barat mengenai keadaan jerebu di Malaysia sebagai tindakan balas terhadap cubaan mensabotaj Sukan Komanwel ke-16 yang akan berlangsung di sini pada September.

Majlis itu juga meminta semua pihak menghentikan penerokaan di sekitar kawasan tadahan air, di samping menyokong usaha memperbesarkan lagi kawasan tadahan, katanya.

-- BERNAMA

RP NMO